

**Tourism Malaysia Di Jerman Sasar Pelancong Mewah
Bernama
25 Mac, 2013
Oleh Manik Mehta**

FRANKFURT, 25 Mac (Bernama) -- Tourism Malaysia di sini menyasarkan untuk membawa lebih ramai pelancong mewah dari Jerman ke Malaysia menerusi kerjasama dengan agensi pelancongan di sini.

Pengarahnya Maizan Ahmad yang baru dua bulan bertugas di sini, berkata perkara itu adalah antara beberapa strategi yang diaturnya bagi meningkatkan bilangan pelancong Jerman ke Malaysia.

"Pelancong Jerman antara pelawat yang berbelanja besar di negara yang dilawati mereka. Sememangnya pelancongan merupakan suatu yang amat penting dalam hidup mereka. Mereka adalah peneraju trend," katanya kepada Bernama, di sini.

Menurutnya sepanjang tahun lepas sahaja rakyat Jerman berbelanja 65 bilion Euro dalam aktiviti pelancongan.

Ini menunjukkan mereka sangat gemar kepada aktiviti pelancongan dan pihak kami akan memanfaatkan perkara itu dengan meningkatkan pemasaran produk pelancongan menarik di Malaysia, katanya.

"Rakyat Jerman merupakan yang kedua teramai selepas United Kingdom yang melawat Malaysia bagi sektor Eropah, namun sejak beberapa tahun kebelakangan ini kedudukan itu dirampas oleh Perancis," katanya kepada Bernama di sini.

Katanya tahun lalu 131,277 pelancong Jerman melawat Malaysia berbanding 136,172 pelawat Perancis, manakala pada tahun sebelumnya sejumlah 124,670 pelancong Jerman tiba di Malaysia dan 127,980 pengunjung Perancis.

Menurut Maizan perkara itu mungkin disebabkan ada penerbangan terus harian antara Kuala Lumpur dan Paris yang disediakan oleh AirAsia sebelum ini selain oleh Malaysia Airlines ([MAS](#)).

[MAS](#) hanya terbang lima kali seminggu ke Frankfurt, katanya menambah pihaknya akan meningkatkan kerjasama dengan syarikat penerbangan asing yang turut terbang ke Malaysia walaupun bukan penerbangan langsung seperti yang digemari pelancong Jerman.

Selain itu kata Maizan, pejabatnya juga telah mengatur beberapa acara yang berkaitan dengan Tahun Melawat Malaysia 2014, termasuk membawa ejen pelancongan dan media Jerman mengunjungi Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=937028>